

11 APR 2001

HARI PENGGUNA MALAYSIA SETIAP SEPTEMBER

KUALA LUMPUR, 11 April (Bernama) -- Malaysia yang belum mempunyai hari penggunaannya sendiri akan menyambut Hari Pengguna Malaysia pada setiap September, mulai tahun ini.

Presiden Gabungan Persatuan-persatuan Pengguna (Fomca) Prof Hamdan Adnan berkata hari ini tarikh itu mengambil sempena Akta Pelindungan Pengguna 1999, diwartakan.

"Akta itu besar ertinya kerana ia merupakan hasil perjuangan gerakan pengguna di negara ini selama hampir 20 tahun," katanya kepada Bernama di sini.

Akta itu juga signifikan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna yang memantapkan lagi kuasanya dalam memberi pelindungan kepada pengguna di bawah suatu akta, kata beliau.

Hamdan berkata oleh hal demikian exco Fomca pada mesyuaratnya 4 April lepas bersetuju hari itu disambut sempena tarikh penguatkuasaan akta berkenaan, seperti yang dibuat di Korea Selatan.

Katanya, sambutan Hari Pengguna Malaysia itu adalah bagi menyahut cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika berucap merasmikan sambutan Hari Pengguna Sedunia di sini pada 16 Mac lepas supaya Malaysia juga mempunyai hari penggunaannya yang tersendiri.

Hamdan berharap semua pihak termasuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, dan majlis-majlis pengguna negeri dan kebangsaan berganding bahu menyambut hari berkenaan.

--BERNAMA

ZS ZB